

ASPEK KESEJAJARAN DALAM AZKAR DAN DOA DARIPADA HADIS NABAWI DALAM HISN AL-MUSLIM
ASPECTS OF PARALLELISM IN DAILY ZIKR FROM THE PROPHETIC HADITH IN HISN AL-MUSLIMKhazri Osman^{1*}, Mohammad Fadzeli Jaafar²¹ Pensyarah, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM. khazri@ukm.edu.my² Pensyarah, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. fadzeli@ukm.edu.my

* Pengarang Penghubung

Artikel diterima: 10 Oktober 2021 | Selepas Pembetulan: 07 November 2021 | Diterima untuk terbit: 27 November 2021

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengkaji aspek kesejajaran dalam *azkar* dan doa daripada hadis Rasulullah SAW. Baginda yang terkenal sebagai insan mulia yang dianugerahkan *jawami' al-kalim* atau ujaran yang singkat tetapi mempunyai maksud yang padat. Walaupun *azkar* dan doa harian ungkapan ibadah yang sangat hampir dengan kehidupan manusia namun segelintir manusia berasa sukar untuk mengamalkannya lantaran *azkar* dan doa itu ditulis dalam bahasa Arab. Kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis dokumen daripada *Hisn al-Muslim* mendapati banyak perkataan yang terkandung dalam *azkar* dan doa sama ada yang bersifat harian atau yang dibaca pagi dan petang bersumberkan hadis Rasulullah SAW mengandungi kesejajaran dari sudut susunan katanya. Teks yang diterjemahkan kepada bahasa Melayu menggunakan teori Semantik-Komunikatif juga mendapati lebih 90% perkataan yang menjadi kata kunci setiap hadis yang dikaji mengandungi perkataan yang dipinjamkan, diserapkan dan disesuaikan dengan bahasa Melayu. Analisis yang memanfaatkan ilmu stilistik turut mengukuhkan maksud yang eksplisit dan implisit di sebalik kesejajaran itu. Kajian ini menyumbang dari sudut pengutaraan hasil gabungan ciri-ciri kesejajaran susunan, pemilihan perkataan dan peminjaman ini memudahkan lagi orang Melayu-Islam yang bukan penutur jadi bahasa Arab untuk membaca, menghafal, memahami dan menghayati *azkar* harian daripada hadis Rasulullah SAW.

Kata kunciKesejajaran, hadis, zikir, *jawami' al-kalim*, stilistik**Abstract**

This study aims to examine the aspects of alignment in azkar and doa from the hadith of the Prophet SAW. He is famous as a noble man who was awarded jawami' al-kalim or a short speech but with a concise meaning. Although azkar and daily prayers are expressions of worship that are very close to human life, but some people find it difficult to practice them because azkar and prayers are written in Arabic. A qualitative study using a document analysis approach from Hisn al-Muslim found that many words contained in azkar and doa whether daily or recited in the morning and evening based on the hadith of Rasulullah SAW contain alignment in terms of arrangement, he said. Texts translated into Malay using Semantic-Communicative theory also found that more than 90% of the words that are the key words of each hadith studied contain words that are borrowed, absorbed and adapted to the Malay language. Analysis that utilizes stylistic analysis also reinforces the explicit and implicit meaning behind the alignment. This study contributes in terms of presenting the results of a combination of the features of alignment of arrangement, word selection and borrowing, this makes it easier for Malay-Muslims who are not speakers of Arabic to read, memorize, understand and appreciate the daily azkar from the hadith of the Prophet SAW.

Keywordsalignment, hadith, azkar, *jawami' al-kalim*, stylistic

1.0 Pengenalan

Kesejajaran atau *parallelisme* adalah salah satu ciri seni wacana yang menjadikan sesuatu karya itu menarik. Kesejajaran ialah perulangan pola struktur yang sama, lazimnya antara frasa atau klausa. Turut dinukilkan daripada Short (1996), seorang pengkaji stilistik bahasa Inggeris, beberapa peraturan kesejajaran yang boleh dijadikan sebagai panduan dalam sebarang kajian aspek kesejajaran. Untuk peraturan yang asas, pembaca perlu (i) mengenal pasti posisi unsur bahasa yang disejajar, (ii) menjelaskan hubungan kesejajaran. Menurutnya, kesejajaran sering memberikan motivasi kepada pembaca untuk memutuskan perkaitan yang sesuai untuk sesuatu perkataan atau frasa. Kesejajaran juga menjadi salah satu alat atau mekanisme kepada penulis untuk mengawal dan memperlihatkan perkaitan antara perkataan. Apabila pembaca menemui atau mengesan sesuatu bahagian atau struktur yang sejajar atau berpasangan, maka mereka akan mencuba mendapatkan perkaitan makna yang berhubungan dengan bahagian yang lain. Sumber rujukan yang muktabar dalam Islam semestinya al-Quran, hadis, ijmak ulama dan *qiyas*. Sebagai sumber rujukan kedua dalam Islam, hadis berfungsi menjelaskan sebahagian syariat yang penting dan menyempurnakan syariat Islam yang tidak dinaskan oleh al-Quran secara jelas. Selain itu, hadis juga memudahkan insan memahami kandungan al-Quran kerana hadis menjelaskan ayat-ayat al-Quran, membantu kefahaman pembaca, menerangkan maksud ayat dan menafsirkan hukum-hukum yang dibawa oleh kitab suci ini (Muhammad Ali 2008). Hadis menyungguhkan bahawa ajaran Islam yang terkandung dalam al-Quran amat sesuai diamalkan dalam segenap sistem kehidupan manusia sepanjang zaman. Dalam hal ini, Rasulullah SAW ialah insan agung yang berjaya menerapkan ajaran al-Quran dalam realiti kehidupan secara menyeluruh, merangkumi ilmu dan amalan. Baginda meninggalkan hadis yang menjadi pegangan umat sepanjang. Hadis merangkumi segala perkara yang dikaitkan dengan Nabi Muhammad SAW sama ada perkataan, perbuatan, pengakuan atau sifat sama ada fizikal atau akhlak, dan sirah sama ada sebelum atau selepas diutuskan sebagai rasul (Umari, 1995). Hadis juga turut mencakup segala apa yang *dinisbahkan* kepada Rasulullah SAW, sahabat atau tabiin r.a.. Selain hadis, satu lagi istilah yang sepunya ialah *sunnah*. Cuma dalam konteks yang tertentu, *hadis* dan *sunnah* mempunyai maksud yang berbeza. Perbezaan tersebut dinukilkan daripada pandangan Ibn Šalāh (2010) bahawa *sunnah* ialah antonim bagi *bidaah*. Mungkin ada orang yang mahir dalam ilmu hadis atau ahli hadis tetapi dalam masa yang sama dia pelaku *bidaah*.

Tarbiyah Islamiyah proses mempersiapkan individu dengan persiapan yang menyentuh seluruh aspek kehidupan meliputi rohani, jasmani, dan akal fikiran. Demikian juga dengan kehidupan duniawi yang berhubung kait dengan kehidupan akhirat yang menjadikan Allah SWT redha dan cinta pada hamba-hamba-Nya yang bertakwa (Siti Zaharah et al. 2021). Melalui pengamalan *sunnah* misalnya, sistem hidup manusia menjadi lebih teratur dan terbimbing tanpa mengira tempat atau masa. Golongan yang enggan menerima *sunnah* sebagai sumber agama mahupun pedoman hidup dianggap menderhaka kepada Allah SWT dan merugikan diri sendiri. Mereka tidak dapat merasai nikmat hidup beragama yang menghasilkan nilai akhlak yang tulen. Nilai akhlak Islam ialah natijah semangat falsafah tauhid bagi memandu personaliti dan tingkah laku manusia melalui sistem syariah yang telah ditetapkan oleh Allah SWT untuk kehidupan manusia. Hubungan yang utuh antara hati dan anggota badan membolehkan akhlak yang baik diterapkan melalui latihan. Sesuatu yang sukar pada peringkat permulaannya, akan menjadi lebih mudah apabila dibiasakan (Mohd Adib et al. 2018). Demikian juga halnya dengan zikrullah. Bagi orang yang tidak biasa, amalan ini dianggap berat dan menyusahkan. Akan tetapi melalui latihan yang kerap, ibadah ini bukan lagi beban. Nikmat Allah SWT kepada manusia terlalu banyak. Namun, ada juga nikmat yang sering dilupakan oleh manusia. Sebagaimana maksud hadis yang direkodkan oleh Bukhari (2000) dan diriwayatkan oleh Ibn Abbas r.a., Nabi SAW bersabda yang bermaksud: Dua nikmat yang menjadikan manusia dalam kerugian kerana gagal memanfaatkannya; kesihatan dan masa terluang. Dalam teks asal hadis ini, kata *maghbun* digunakan, sebagai kinayah kepada kerugian dalam perniagaan. Lazimnya, manusia bersungguh-sungguh beribadah dan melakukan perkara yang baik sewaktu dia sihat. Boleh jadi juga dia tidak bersungguh-sungguh menuntut ilmu dan melakukan amalan yang baik kerana terlalu sibuk bekerja (Qari 2002). Insan yang bertuah berjaya memanfaatkan waktu lapangnya untuk melakukan ibadah manakala orang yang menggunakannya untuk maksiat dia akan menyesal dan rugi. Hal ini demikian kerana masa lapang akan hilang disebabkan kesibukan manakala kesihatan akan terjejas disebabkan oleh sakit (Ibn Hajar

al-Asqalānī 2011). Emma Mirza Wati & Cheng (2019) menyatakan bahwa kesehatan ialah kemampuan seseorang untuk meneruskan hidup dengan prospek positif. Adapun masa lapang pula ialah waktu senggang, terluang atau tidak menyibukkan. Masa lapang yang ada hendaklah dimanfaatkan dengan zikrullah agar masa tidak berlalu tanpa faedah.

Antara sunnah yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW ialah membaca zikir atau *azkar* harian sama ada ketika melakukan amalan tertentu misalnya sebelum dan selepas tidur, sebelum dan selepas makan, ketika menyarungkan pakaian, sebelum memasuki dan ketika keluar dari rumah, atau zikir yang dibaca waktu pagi dan petang. Zikir yang diambil daripada hadis yang sahih ini ditampilkan dalam bentuk gaya bahasa yang indah dan menarik. Uslub bahasa Rasulullah SAW memiliki nilai estetik yang amat tinggi. Dengan bahasa yang tinggi itu Baginda SAW mampu menggoncang dan melenyapkan kepercayaan jahiliah yang berakar umbi dalam masyarakat dan menggantikannya dengan kepercayaan baharu yang sempurna dan mantap (Mohamad Hussin et al., 2016). Oleh itu, idea yang dibawa oleh Rasulullah SAW yang dipersembahkan dalam ungkapan-ungkapan hadis termasuklah hadis yang dijadikan sebagai *azkar* wajar dianalisis untuk meningkatkan lagi kefahaman seseorang tentang maksud Baginda SAW sekali gus meningkatkan nilai hadis tersebut.

2.0 Sorotan Kajian

2.1 Al-Qahtani dan Hisn al-Muslim

Tidak banyak kajian lepas berkaitan Sa'īd bin Ali bin Wahf al- Qaḥṭānī atau disebut sebagai al-Qaḥṭānī dilakukan. Bahkan dalam kajian oleh Sulayman bin Ahmad al-Quzi pada tahun 2020 secara jelas dinyatakan belum ada pengkaji yang menyumbangkan kajian tentang al-Qahtani. Said bin Ali bin Wahf al-Qahtani dilahirkan pada 25 Syawal 1372 Hijrah di Wadi al-Arin, Asir, Arab Saudi. Membesar dalam keluarga yang menggembala kambing sebagaimana sunah anbia. Beliau banyak menuntut ilmu daripada Syeikh Abdul Aziz bin Bāz, bekas Mufti Besar Arab Saudi. Beliau mendampingi Syeikh Ibn Baz selama kira-kira 20 tahun bermula 1400 Hijrah hingga Syeikh Ibn Bāz meninggal dunia pada tahun 1420 Hijrah. Al-Qaḥṭānī meninggalkan banyak khazanah ilmu dan karya yang bermanfaat untuk umat. Antara karya beliau yang paling banyak tersebar ke seluruh dunia ialah *Hisn al-Muslim*. Buku kecil yang mengandungi 160 halaman ini dicetak berjuta-juta naskhah. Hal ini disebabkan isi buku ini yang begiti hampir dengan kehidupan manusia selain dapat dimanfaatkan oleh pelbagai lapisan masyarakat (Quzi 2020).

2.2 Kesejajaran

Kajian oleh Khader & Mohammed (2016) berkaitan elemen kesejajaran dalam puisi Sa'adi Yusuf mendapati struktur *paralelisme* adalah salah satu ciri seni wacana puitis kontemporari. Dalam puisi ini, unit-unit linguistik, struktur sintaksis, leksikal dan nada iramanya didapati saling berinteraksi antara satu sama lain lalu menghasilkan karya yang memiliki nilai estetik yang hebat. Pemuisi menggunakan medium ekspresif yang berbeza untuk menunjukkan kesejajaran antara struktur wacana puitis. Hal ini mencerminkan kemampuan beliau mengangkat nilai teks puisi ke tahap yang tinggi. Kajian oleh Mohammad Fadzeli (2014) mendapati ciri utama kesejajaran ialah kata yang disejajarkan haruslah terdiri daripada kelas kata yang sama. Contohnya *tangan-dada* sebagai kata nama konkrit, *dosa-pahala* sebagai kata nama abstrak. *Tangan* dan *dada* menunjukkan manusia dilahirkan tanpa ilmu manakala kata *dosa* yang berlawanan *pahala* untuk menimbulkan kesan keinsafan kepada pembaca. Terdapat juga kesejajaran bunyi contohnya perulangan pada bunyi vokal dan konsonan. Jika perulangan itu melibatkan huruf vokal *a*, *e*, *i*, *o* dan *u*, maka dinamakan asonansi. Beliau merumuskan, pendekatan stilistik sangat membantu analisis aspek kesejajaran terhadap sebarang karya termasuk puisi. Kesejajaran turut dikaji dalam perbilangan adat, iaitu kalimat berangkap yang disampaikan dalam bentuk puisi. Dalam kajian oleh Mohammad Fadzeli, Idris & Norsimah (2017) mendapati kesejajaran antitetik lebih banyak digunakan dalam perbilangan adat berbanding kesejajaran sinonim. Perbilangan dapat menggambarkan kebijakan dan kecermatan pilihan kata. Setiap perkataan yang dipilih mempunyai makna yang tertentu, dan berkaitan juga dengan perkataan lain sama ada dalam baris yang sama atau melangkai baris. Perbilangan yang dikaji juga cenderung menggunakan leksikal berunsur alam dan kata-kata adat sebagai unsur kesejajaran. Sebelum istilah kesejajaran diperkenalkan oleh Mohammad Fadzeli Jaafar, pengkaji sebelum beliau seperti Ding (2009) menggunakan istilah keselarian dengan maksud *paralelisme*. Beliau menyimpulkan bahawa peribahasa Melayu mempunyai

identiti budaya Melayu kerana pemikiran, falsafah, akal, budi dan isi yang lain yang ingin ditonjolkan itu sudah dibaluti bahasa yang indah, dalam bentuk yang tetap. Kesemua sifat pengarang peribahasa Melayu yang asli dan tulen bukan sahaja tidak terdapat dalam bahasa lain, malahan sukar diterjemahkan. Sifat-sifat asli dan tulen menjadi lebih ketara setelah dibandingkan persamaan maksud peribahasa Melayu dengan peribahasa bangsa yang lain. Sifat-sifat itu telah membuatkan peribahasa menjadi luar biasa, berbanding dengan sastera lain dalam budaya rakyat. Hal ini bukan sekadar disebabkan persajakan bunyi kerana bercirikan keselarian dan asonansi, tetapi juga kerana makna yang tersirat di sebalik kata-kata dalam peribahasa itu berbeza daripada yang tersurat, lebih-lebih lagi yang bersifat metafora.

2.3 Zikrullah

Zikir atau kata jamaknya *azkar* didefinisikan dalam kajian oleh Mohd Anuar & Muhammad Mustaqim (2019) sebagai perbuatan mengingati Allah SWT dengan menyebut beberapa kalimah tertentu. Zikir boleh dilakukan dengan cara menyebut jelas melalui lisan dan perkataan atau secara sembunyi dalam hati. Zikir bertujuan menyucikan hati, mendekatkan diri kepada Allah SWT dan memudahkan sebarang usaha. Zikir bukan sekadar amalan diri, tetapi boleh membantu mengurangkan masalah sosial. Hal ini dibuktikan oleh Masuriyati & Che Zarrina (2016) yang merumuskan bahawa antara faktor golongan remaja terlibat dalam masalah tingkah laku di negara Brunei, disebabkan jiwa dan minda kosong tanpa sokongan moral dan spiritual yang boleh mereka jadikan panduan sebelum mereka terlibat dalam masalah penyalahgunaan dadah dan masalah sosial yang lain. Secara puratanya, golongan belia yang mementingkan amalan zikir belum mencapai tahap yang memuaskan. Untuk menangani masalah dadah khususnya untuk bekas penagih, kajian oleh Nurshuhada et al. (2018) mendapati bahawa dengan amalan agama yang berkualiti mampu melawan ketagihan bekas penagih dadah. Amalan berzikir banyak membantu bekas penagih mendekati diri kepada Tuhan dan kehidupan akan menjadi lebih tenang seterusnya ketagihan dapat dibendung. Amalan yang mendekati diri seseorang individu kepada Tuhan mampu membawa perubahan tingkah laku ke arah yang lebih baik untuk menjadi individu yang bertakwa. Dalam agama Islam takwa menjadi dasar kehidupan bermasyarakat yang berisikan kebudayaan (sosial, ekonomi, politik, ilmu, teknik, seni, dan falsafah). Islam menjadi teras dalam membentuk praktis sosial yang menjadi anutan dan pegangan masyarakat (Mohamad Fitri & Zaitul Azma 2014). Zikrullah ialah gabungan dua perkataan iaitu *zikr* dan *Allah*. *Zikr* dari segi maksud yang umum merangkumi semua jenis ibadat seperti solat, puasa, menunaikan haji, membaca al-Quran, puji-pujian, doa, tasbeih, tahmid dan ibadat-ibadat yang lain yang dilakukan untuk mengingati, mentaati dan mengabdikan diri kepada Allah SWT. Ibn Taymiyah (1995) menyimpulkan, setiap kata yang diungkapkan dengan lidah dan digambarkan dengan hati yang boleh mendekati oknum kepada Allah SWT seperti menuntut dan mengajar ilmu, amar makruf dan nahi mungkar termasuk dalam zikrullah. Apabila dikaitkan zikr dengan kalimah yang amat mulia iaitu Allah, bermakna insan yang menyebut dan mengingati Allah SWT dalam semua aspek ibadah Islamiah sama ada ibadat tersebut dilakukan dengan lidah (lisan dan pertuturan), hati, atau fiil, Hal ini disebabkan setiap ibadah semestinya dikaitkan dengan salah satu atau kesemua komponen ini. Ada banyak karya yang disusun untuk memudahkan Muslim mengamalkan zikrullah. Antara karya terawal ialah '*Amal al-Yawm wa al-Laylah*' oleh al-Suyuti, '*Amal al-Yawm wa al-Laylah*' oleh al-Nasai, '*Amal al-Yawm wa al-Laylah*' oleh Ibn Sunni dan '*al-Azkar*' oleh al-Nawawi.

Berdasarkan sorotan kajian ini, dapat diketahui bahawa kesejajaran memainkan peranan penting dalam mengangkat nilai sesuatu teks sama ada teks itu bercirikan Islam atau sebaliknya. Zikrullah pula sangat penting dalam kehidupan dan merubah tingkah laku individu ke arah yang lebih baik tidak dapat disangkal lagi. Bahasa sebagai alat komunikasi berperanan untuk menyampaikan pesanan, gagasan, maklumat, pendapat, fikiran dan ilmu pengetahuan kepada masyarakat atau bangsa. Untuk menghayati *azkar* maka gaya bahasanya perlu dianalisis untuk mengukuhkan kefahaman dan mengangkat nilai *azkar* tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini diperlukan untuk menganalisis salah satu aspek dalam *azkar* daripada hadis nabawi. Pemilihan dan penggunaan kata yang tepat dan berkesan untuk mengungkapkan idea secara bertulis mahupun lisan atau disebut sebagai diksi mempunyai peranan dan tugas untuk memandu masyarakat memproses dan memahami makna ujaran yang disampaikan. Hasil kajian ini juga dapat mengukuhkan kelebihan *jawami' al-kalim* yang dianugerahkan kepada Rasulullah SAW.

3.0 Metodologi Kajian


Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan metode analisis dokumen daripada *Hisn al-Muslim* iaitu daripada hadis nabawi. Al-Qahtānī (2014) meringkaskan *Hisn al-Muslim* berdasarkan karyanya yang pernah dihasilkan sebelumnya iaitu *al-Zikr wa al-Dua' wa al-Ilaj bi al-Ruqa min al-Kitab wa al-Sunnah*. Tujuan peringkasan ini adalah untuk memudahkan pembaca dan pencinta zikrullah membawa buku kecil ini ke mana-mana hatta dalam pengembaraan sekalipun. Hadis-hadis yang dimasukkan dalam *Hisn al-Muslim* diletakkan takhrij berdasarkan satu atau dua sumber. Jika ada pembaca yang berhasrat mengetahui nama sahabat yang meriwayatkan hadis atau mendapatkan takhrij yang lebih mendalam, sumber yang primer hendaklah dirujuk. *Hisn al-Muslim* mengandungi doa dan zikir yang dibaca ketika bangun daripada tidur, memakai pakaian, memakai pakaian baharu, menanggalkan pakaian, memasuki tandas, keluar dari tandas, sebelum berwuduk, selepas berwuduk, keluar dari rumah, memasuki rumah, ketika menuju ke masjid, masuk ke masjid, keluar dari masjid dan selepas azan. Doa dan zikir yang wajar dibaca ketika solat ialah ifitah, iktidal, sujud, duduk antara dua sujud, sujud tilawah, tasyahud awal dan akhir, selawat ke atas Nabi SAW selepas tasyahud akhir sebelum salam, solat istikharah, berlaku kebimbangan dan qunut solat witr. Manusia tidak terlepas daripada ditimpa kesusahan. Oleh itu al-Qahtani turut memasukkan doa dan zikir yang perlu dibaca ketika kesedihan dan bertemu musuh atau orang yang berkuasa, berasa gerun akan orang yang zalim dan takut akan sesuatu golongan. Ada juga doa dan zikir ketika keraguan dalam keimanan, melunaskan hutang, waswas ketika solat, menghadapi kesusahan, melakukan dosa, menjauhkan diri daripada gangguan syaitan dan mendapat sesuatu yang tidak disukai. Ada juga doa dan zikir yang diungkapkan ketika mengucapkan tahniah kepada bayi yang baharu dilahirkan, melindungi anak daripada gangguan syaitan, melawat orang yang sakit dan pesakit yang berputus asa, orang yang sedang nazak, ditimpa musibah, menutup mata orang yang meninggal dunia, solat jenazah untuk dewasa dan kanak-kanak, mengucapkan takziah dan bersimpati, memasukkan mayat ke dalam kubur, selepas mengebumikan mayat, menziarah kubur, angin bertiup kencang dan kilat, memohon hujan, ketika hujan sedang turun, selepas hujan berhenti, melihat anak bulan, ketika berbuka puasa, sebelum makan, selepas makan, berbuka di rumah seseorang dan ketika orang berpuasa dicerca.

Berdasarkan senarai zikir dan doa yang dinyatakan ini, sampel yang dipilih untuk kajian ini adalah seperti yang berikut:

Jadual 1.1: Pensampelan

Zikir dan Doa	Bilangan
• Ketika bangun tidur	(1)
• Masuk ke rumah	(1)
• Harian/pagi dan petang	(4)
• Selepas solat subuh	(1)
• Jumlah	(7)

Tujuh sampel yang dipilih ini dianalisis menggunakan prosedur analisis stilistik yang dapat dilihat dalam rajah 3.1 berikut:



Stilistik cuba menghubungkan maklumat bahasa (deskripsi) dengan makna (interpretasi) secara tersurat. Dengan maksud yang lain, kajian stilistik harus dimulakan dengan penelitian terhadap pelbagai aspek bahasa dalam teks kajian. Untuk kajian ini, deskripsi akan diwakili oleh aspek kesejajaran, menjelaskan makna mewakili interpretasi manakala penilaian pula ditunjukkan melalui kesannya terhadap pembaca. Hadis-hadis yang dipilih ini akan diterjemahkan kepada bahasa Melayu menggunakan teori Semantik-Komunikatif. Dari segi kesesuaian, terjemahan semantik adalah untuk kesusasteraan serius, autobiografi, hasil peribadi, dan mana-mana kenyataan politik yang penting. Manakala komunikatif pula adalah untuk karya bukan sastera, teks teknikal dan informasi, publisiti dan fiksyen popular. Untuk menterjemahkan hadis yang mengandungi aspek kesejajaran, maka gabungan kedua-dua teori ini sesuai diaplikasikan. Untuk puisi, biasanya kesejajaran dilihat dalam baris yang sama atau melangkaui baris. Disebabkan hadis tidak memiliki baris atau rangkap seperti puisi, maka tanda koma mengambil tugas ini. Tanda koma penting bagi menunjukkan pemberhentian sementara, iaitu pemberhentian bacaan seketika untuk membezakan atau mengasingkan kata demi kata atau frasa demi frasa yang terdapat dalam keseluruhan ayat yang dibaca.

3.1 Kesejajaran sebagai Peraturan dalam Sistem Bahasa

Secara umumnya kesejajaran boleh terjadi apabila terdapat unsur-unsur yang sama darjat, jenis kata, pola atau susunan kata dan frasa yang dipakai dalam satu-satu ujaran. Sebagai contoh, dalam sebuah kesatuan ayat atau bait puisi, jika unsur pertama menggunakan kata kerja, ujaran dalam kesatuan ayat yang berikutnya juga seharusnya menggunakan kata kerja. Jika unsur pertama berbentuk pasif, maka unsur berikutnya juga sewajarnya berbentuk pasif. Dari perspektif yang lain, kesejajaran merujuk perkataan yang mempunyai kelas kata yang sama namun mempunyai leksikal yang berbeza. Sebagaimana didefinisikan oleh Sardar Fayyaz ul Hassan (2013), kesejajaran atau *parallelism* ialah perulangan pola struktur yang sama, lazimnya antara frasa atau klausa. Dari segi fungsi, Leech menyatakan bahawa "Linguistic parallelism is very often connected with rhetorical emphasis and memorability". Pernyataan ini menegaskan bahawa kesejajaran atau *parallelism* lazim dihubungkan dengan penekanan retorik dan sesuatu (unsur bahasa) yang boleh diingati. Mick Short (1996) seorang sarjana dalam bidang linguistik dan gaya bahasa menganalisis puisi bahasa Inggeris, dan mengemukakan beberapa peraturan kesejajaran yang boleh dijadikan sebagai panduan dalam sebarang kajian aspek kesejajaran. Peraturan kesejajaran yang asas merangkumi aspek (i) mengenal pasti posisi unsur bahasa yang disejajarkan, (ii) menjelaskan hubungan kesejajaran. Menurut Short lagi, kesejajaran sering memberikan motivasi kepada pembaca untuk memutuskan perkaitan yang sesuai untuk sesuatu perkataan atau frasa. Kesejajaran juga menjadi salah satu alat atau mekanisme kepada penulis untuk mengawal dan memperlihatkan perkaitan antara perkataan. Apabila pembaca menemui atau mengesan sesuatu bahagian atau struktur yang sejajar atau berpasangan, maka mereka akan mencuba mendapatkan perkaitan makna yang berhubungan dengan bahagian yang lain. Maledo (2019) seorang sarjana yang banyak mengkaji tentang kesejajaran mendapati bahawa *The Holy Bible* juga mendapat banyak manfaat daripada konsep kesejajaran. Beliau berpendapat kesejajaran memperlihatkan hubungan struktur dan idea dalam bentuk sinonim, perulangan, antitesis, atau aposisi. Maka, terdapat beberapa jenis kesejajaran yang dapat membantu seseorang itu mengenal pasti pola bahasa yang sengaja disejajarkan oleh pengarang atau pemuisi iaitu kesejajaran sinonim, kesejajaran bertentangan atau *antithetical parallelism*, sintetik atau *synthetic parallelism* dan klimatik atau *climactic*

parallelism. Setiap jenis kesejajaran ini dapat dibezakan bentuk bahasa yang disejajarkan, misalnya kesejajaran sinonim memperlihatkan kehadiran idea atau konsep yang sama antara perkataan atau frasa yang digunakan. Sebagai lawan sinonim, kesejajaran bertentangan atau *antithetical parallelism* ialah kewujudan idea atau konsep yang bertentangan atau kontras dalam sesuatu puisi. Seterusnya, kesejajaran sintetik ialah kebergantungan idea dalam baris pertama kepada baris kedua. Dengan maksud yang lain, maksud dalam baris pertama hanya akan sempurna setelah dibaca baris kedua. Akhirnya, kesejajaran klimatik atau *climactic parallelism* memperlihatkan perulangan perkataan/frasa dalam baris satu dan dua, kecuali perkataan yang terakhir. Pada dasarnya, kesemua jenis kesejajaran ini mengimpikasi pola gaya bahasa yang menarik untuk dianalisis (Mohammad Fadzeli 2017). Selain itu, kesejajaran memiliki dua fungsi, iaitu penyertaan idea yang sama untuk menunjukkan unsur persamaan atau susunan idea yang berbeza bagi menunjukkan perbezaan. Apa yang terlebih penting, *parallelism* atau kesejajaran membantu memberi kejelasan dalam unsur gramatis dengan mempertahankan komponen-komponen yang setaraf dalam susunan dan kedudukan kata-kata dalam ayat atau rangkaian kata yang sama. Jika sesuatu kata itu dinyatakan dalam bentuk imbuhan *pe-an* atau *ke-an*, maka kata lain terbabit membentuk kata seterusnya dalam idea atau kesatuan ayat yang sama juga sepatutnya menggunakan imbuhan *pe-an* atau *ke-an* juga. Peranan kesejajaran menambahkan kejelasan kata secara keseluruhan. Peranan kesejajaran sebagai peraturan dalam sistem bahasa menuntaskan bahawa struktur kesejajaran - dari segi pembentukannya - mampu menyusun secara tersendiri dan kreatif komponen fonologi, morfologi, leksikal dan sintaksis yang menyebabkan unsur kesejajaran itu nampak matang dan kompleks.

Rima turut menyumbang ke arah kesejajaran. Sebagai contoh, dalam peribahasa, puisi dan pantun. Rima dalam peribahasa memang perkara yang rumit. Kerumitan itu juga disebabkan asonansi dan keselarian atau *parallelism* dalam peribahasa yang terdiri daripada dua atau tiga ungkapan, yang disebut Ismet Fanany, seorang sasterawan Indonesia dan Rebecca Fanany sebagai "*bi-partite* atau *tri-partite*". Yang dimaksudkan dengan rima ialah asonansi, iaitu persamaan bunyi dalam perkataan atau suku kata, maka menimbulkan kesan rima. Kesemua kesan bunyi itu bukan sahaja besar peranannya dalam membantu fungsi nemonik, tetapi juga membantu panggilan semula (*recall*). Sehubungan itu, asonansi boleh dicipta dengan menggunakan imbuhan, walaupun kata akar itu berbeza atau mengubah sintaksis ayat dan struktur nahunya. Itulah juga sebabnya terdapat kata yang sama diulang-ulang. Demikian juga dengan imbuhan (awalan atau akhiran), malahan frasa yang sama. Kesemua kesan rima itu membantu menambah selera pendengaran (*auditory appeal*). Misalnya kata "padi", "jadi", "mati", "hati", "rasa", "binasa:" dalam peribahasa yang berikut: "Ikut hati mati, ikut rasa binasa". Sementara itu, lihat contoh penggunaan unsur keselarian dan sedikit unsur asonansi dalam peribahasa yang berstruktur *tri-partite* ini: "Harimau mati meninggalkan belang, gajah mati meninggalkan gading, orang mati meninggalkan nama". Kesemua itu bukan sahaja menambah keindahan peribahasa, tetapi juga menjadikan pengarang peribahasa itu cukup mencabar, maka sangat menarik untuk dikaji (Ding 2009).

Berdasarkan pandangan yang diketengahkan oleh para sarjana ini dapatlah disimpulkan fungsi, peraturan, jenis dan pola bahasa dalam kesejajaran adalah seperti yang berikut:

Jadual 2.1: Fungsi Kesejajaran

Fungsi Kesejajaran
<ul style="list-style-type: none"> • Penyertaan idea yang sama untuk menunjukkan unsur persamaan • Susunan idea yang berbeza bagi menunjukkan perbezaan

Jadual 2.2: Peraturan Kesejajaran Menurut Mick Short (1996)

Peraturan Kesejajaran
<ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti posisi unsur bahasa yang disejajarkan.

- Menjelaskan hubungan kesejajaran.

Jadual 2.3: Jenis Kesejajaran Menurut Okinowo

Jenis Kesejajaran
<ul style="list-style-type: none"> • Sinonim (<i>synonym</i>) • Bertentangan (<i>antithetical parallelism</i>) • Sintetik (<i>synthetic parallelism</i>) • Klimatik (<i>climactic parallelism</i>)

Jadual 2.4: Pola Bahasa dalam Kesejajaran

Pola Bahasa
<ul style="list-style-type: none"> • Sinonim • perulangan • antitesis • aposisi

Walaupun kajian tentang kesejajaran banyak dikaitkan dengan puisi, bukanlah bermakna teks yang bukan prosa tidak boleh dikaji aspek kesejajarannya. Hal ini demikian kerana pengkaji seperti Ding Choo Ming turut mengambil berat dan menjadikan peribahasa Melayu sebagai dokumen kajiannya. Berdasarkan pendekatan yang digunakan oleh Ding Choo Ming ini, maka artikel ini akan menganalisis ungkapan dalam zikrullah pagi dan petang.

4.0 Hasil Kajian dan Perbincangan

4.1 Zikir selepas bangun daripada tidur, sebagaimana direkodkan oleh Tirmizi (1988) dan diriwayatkan melalui Abu Hurayrah r.a.:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي عَافَانِي فِي جَسَدِي، وَرَدَّ عَلَيَّ رُوحِي، وَأَذِنَ لِي بِذِكْرِهِ

Maksudnya:

Segala puji bagi Allah yang mengurniakan keafiatan pada tubuhku, mengembalikan rohku dan mengizinkan aku mengingati-Nya.

Insan wajar bersyukur kepada Allah SWT yang mengurniakan kepadanya keafiatan sewaktu waktu daripada tidur. Dia dapat tidur dengan tenteram terselamat daripada kejadian buruk, bala dan musibah pada waktu malam. Kesyukuran juga perlu dipanjatkan kepada Allah SWT yang mengembalikan semula roh manusia kerana tidur diibaratkan seperti mati. Dengan sifat yang lemah, manusia tidak akan mampu berzikir kecuali dengan keizinan daripada-Nya. Dari sudut pemilihan perkataan, didapati beberapa kata dalam hadis ini seperti Alhamdulillah, afiat, jasad, roh, izin dan zikir telah dipinjamkan daripada bahasa Arab (bahasa sumber) kepada bahasa Melayu (bahasa sasaran). Kesejajaran berlaku

apabila persamaan bunyi pada bahagian akhir suku kata; *jasadi-ruhi-zikrihi* yang ditampilkan dalam bentuk kasrah iaitu tanda bacaan huruf Arab yang menandakan bunyi /i/, baris di bawah. Ketiga-tiga kata ini juga dikelaskan sebagai *masdar* atau kata terbitan. Kata-kata terbitan ini juga tidak berdiri sendiri malahan didahului dengan partikel *jar* iaitu *fi*, *'ala* dan *lam*. Selain itu juga didapati ada hubungan dari segi makna antara jasad dan roh. Jasad ialah tubuh atau badan manusia yang wujud manakala roh pula dihembuskan Allah SWT ke dalam badan untuk menghidupkan manusia. Jasad dan roh juga ditampilkan dalam bentuk antitesis untuk mendapatkan kesan pertentangan yang seimbang.

4.2 Zikir ketika masuk ke rumah, sebagaimana direkodkan oleh Abu Dawud al-Sijistani (2009) dan diriwayatkan melalui Abu Malik al-Ash'ari r.a.:

بِسْمِ اللَّهِ وَلِجَنَّا، وَبِسْمِ اللَّهِ خَرَجْنَا، وَعَلَى اللَّهِ رَبِّنَا تَوَكَّلْنَا

Maksudnya:

Dengan nama Allah kami masuk dan kami keluar. Kepada Allah kami bertawakal.

Rumah ialah binaan untuk tempat tinggal yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada manusia di dunia. Manusia memerlukan rumah sebagai tempat perlindungan dan beribadat kepada Allah. Memiliki sebuah rumah yang baik serta selesa menjadi idaman setiap manusia. Oleh itu setiap insan cuba membina atau membeli rumah mengikut cita rasa sendiri. Rumah tidak sunyi daripada gangguan syaitan. Ghazzi (2011) menukilkan, orang yang tidak membaca doa ketika masuk ke dalam rumah mungkin akan diganggu oleh syaitan bernama Dasim yang menyebabkan timbul konflik dalam rumah tangga. Dari sudut pemilihan perkataan, didapati *Bismillah* (dengan nama Allah), *tawakal* (percaya dengan sepenuh hati kepada Allah) dan *Rab* (yang empunya, merujuk kepada Allah) dalam hadis ini telah diserapkan kepada bahasa Melayu daripada bahasa Arab. Kesejajaran berlaku apabila persamaan bunyi pada bahagian akhir suku kata *walajna* dan *kharajna*, yang ditampilkan dalam bentuk kata terbitan. *Walajna* dan *kharajna* juga disejajarkan, hadir sebagai antitesis untuk mendapatkan kesan perbezaan yang seimbang.

4.3 Zikir harian, sebagaimana direkodkan oleh Muslim (2006), Abu Dawud al-Sijistani (2009) dan Tirmizi (1988) dan diriwayatkan melalui Sa'd bin Abi Waqqas r.a.:

رَضِيْتُ بِاللَّهِ رَبًّا، وَبِمُحَمَّدٍ رَسُولًا، وَبِالْإِسْلَامِ دِينًا

Maksudnya:

Aku reda Allah sebagai Tuhan, Muhammad sebagai dan rasul dan Islam sebagai agama.

Muslim yang reda Allah SWT sebagai Tuhan wajib menerima semua perintah dan ketentuan-Nya. Muslim yang meredai Nabi Muhammad SAW sebagai rasul pula hendaklah menerima ajaran baginda. Merelakan Islam sebagai agama bermakna Muslim perlu menolak semua agama selain Islam. Dalam ungkapan biasa, penyambut atau objek biasanya terletak selepas kata kerja transitif. Namun dalam hadis ini, sebagai salah satu cerminan kesejajarannya, objek dikemudiankan manakala partikel *jar* didahulukan bagi mengekshaskan bahawa hanya Allah Tuhan yang layak disembah, Nabi Muhammad SAW sahaja sebagai rasul terakhir dan Islam sebagai agama yang diterima. Objek juga hadir dalam bentuk kata nama tunggal dan berbaris fathah iaitu *rabban-rasulan-dinan*. Dari segi gaya susunan juga, dapat dilihat ada tertib susunan dari tinggi ke bawah. Kata *rabb* didahulukan kerana Dialah Tuhan Rabbulalamin Maha Pencipta segala-galanya. Allah SWT kemudiannya mengutus Nabi Muhammad

SAW sebagai rasul bagi menyebarkan seruan Islam itu. Dari aspek pemilihan perkataan, didapati beberapa kata dalam hadis ini seperti *reda*, *rab*, *rasul*, *Islam* dan *din* telah dipinjamkan daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu.

4.4 Doa selepas solat fardu subuh, sebagaimana direkodkan oleh Ibn Majah (2000) dan diriwayatkan melalui Umm Salamah r.a.:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا، وَرِزْقًا طَيِّبًا، وَعَمَلًا مُتَقَبَّلًا

Maksudnya:

Ya Allah, aku bermohon kepada-Mu ilmu yang bermanfaat, rezeki yang baik dan amalan yang diterima.

Ilmu yang bermanfaat tidak terhad pada ilmu agama sahaja. Bahkan semua ilmu yang mempunyai kaitan dengan agama dikategorikan sebagai ilmu yang bermanfaat. Orang yang belajar ilmu kejuruteraan contohnya, tetap dianggap menuntut ilmu yang bermanfaat kerana dengan ilmu tersebut Islam dapat menandingi kuasa-kuasa lain dalam mengejar arus pemodenan. Islam mengkehendaki manusia supaya mengintegrasikan perkembangan teknologi dan juga ilmu yang lain-lain dengan ilmu tauhid. Dengan cara ini kemahuan manusia dengan alam persekitaran dapat diseimbangkan. Sumbangan Islam bukan sekadar menyediakan pakar tetapi untuk meletakkan dasar atau konsep teknologi untuk manusia dengan hala tuju yang betul. Sebagaimana yang dikemukakan oleh Ziauddin Sardar terdapat sepuluh nilai dalam teras pemikiran Islam, empat daripadanya terbentuk secara tersendiri, iaitu tauhid (kesatuan), khilafah (amanah), ibadah dan 'ilm (ilmu). Ditambah tiga lagi secara berpasangan yang berlawanan, iaitu halal dan haram, 'adl (keadilan sosial) dan *zulm* (kezaliman) serta yang ketiga *istislah* (kepentingan umum) bertentangan dengan *daya* (pembaziran). Penerapan prinsip-prinsip ini dalam program penyelidikan dan penciptaan sains amat penting bagi menjamin pembangunan dan perkembangan sains dan teknologi yang seimbang dan harmonis (Alias 2017). Rezeki yang baik bermaksud suci dan bersih daripada sumber yang haram atau syubhah. Semua perkara yang dihalalkan oleh syarak pastinya bermanfaat kepada manusia, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Maidah (5:4):

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا أُحِلَّ لَهُمْ قُلْ أُحِلَّ لَكُمْ الطَّيِّبَاتُ

Maksudnya:

Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): "Apakah makanan yang dihalalkan bagi mereka? Katakanlah: "Dihalalkan untuk kamu memakan makanan yang baik-baik."

Surah Al-Maidah (5):4

Amalan yang diterima Allah SWT sewajarnya memenuhi dua syarat; ikhlas dan mematuhi kaedah syarak. Imam al-Ghazali menegaskan orang yang beramal tetapi tidak ikhlas akan menemui kebinasaan dan orang beribadah dengan ikhlas tetapi tidak disertakan dengan niat turut mendapat kesusahan. Orang yang berniat dalam beribadah tetapi tidak ikhlas bererti dia melakukan riyak dan keikhlasan tanpa kebenaran pula menjadikan amalan seperti debu yang berterbangan (Mohd Shukrey Ahmad & Kamariah Kamarudin 2018). Dari sudut pemilihan perkataan, didapati kata ilmu, rezeki dan amal dalam hadis ini telah diserapkan kepada bahasa Melayu daripada bahasa Arab. Manakala *nafi'*, *mutaqabbal* dipinjamkan daripada bahasa Arab dan disesuaikan dengan sistem atau suku kata bahasa Melayu, iaitu *nafi'* menjadi manfaat dan *mutaqabbal* menjadi kabul yang bermaksud terlaksana, tercapai, atau tertunai. Kesejajaran juga terdapat dalam ketiga-tiga kata *nafi'*, *tayyib* dan *mutaqabbal* yang terdiri daripada kata nama yang berbaris atas walaupun daripada jenis yang berbeza iaitu *nafi'* (*ism fa'il*), *tayyib* (*sifah mushabbahah*) dan *mutaqabbal* (*ism maf'ul*). Pendahuluan kata ilmu menunjukkan ilmu

sebagai asas untuk semua perkara. Dengan menggunakan ilmu, seseorang itu dapat mencari rezeki dan seterusnya mengamalkannya agar lebih bermanfaat. Yang pentingnya dalam hadis banyak kata pinjaman digunakan dengan bentuk kata yang hampir seiras.

4.5 Zikir harian, sebagaimana direkodkan oleh Abu Dawud al-Sijistani (2009) menerusi Abdul Rahman bin Abi Bakrah r.a.:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْكُفْرِ، وَالْفَقْرِ، وَاللَّهِمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya:

Ya Allah aku berlindung dengan-Mu daripada kekafiran dan kefakiran. Ya Allah aku juga berlindung dengan-Mu daripada seksaan azab kubur. Sesungguhnya tiada tuhan selain Engkau.

Kekafiran dan kefakiran ialah musuh utama manusia. Hal ini demikian kerana orang kafir gagal mendapat tempat yang baik di akhirat manakala orang yang fakir biasanya senang dengan kehidupan di dunia. Orang fakir juga terdedah kepada kekafiran jika dia tidak meredai dan tidak mensyukuri nikmat yang dianugerahkan Allah SWT kepadanya. Kekufuran yang dimaksudkan oleh Rasulullah SAW ini bukan sekadar tidak menunaikan segala kewajipan yang diperintahkan oleh Allah SWT, bahkan merangkumi kelakuan insan yang tidak mengikut peraturan-Nya atau sengaja melakukan perbuatan yang bertentangan dengan kehendak syarak. Alam kubur atau alam barzakh bukan sekadar tempat dikebumikan mayat sahaja tanpa sebarang ujian dan cabaran. Setiap manusia yang melalui alam barzakh mesti melalui peristiwa ngeri sebelum tiba hari kiamat. Antaranya, sebaik sahaja mayat dikebumikan, dua malaikat iaitu Munkar dan Nakir akan datang dalam bentuk yang sangat menakutkan dan menggerunkan untuk menyoal si mati tentang Tuhan, pegangan akidah dan kerasulan Nabi Muhammad SAW. Dari sudut pemilihan perkataan, didapati kata *kufr*, *faqr*, dan *qabr* dipinjamkan daripada bahasa Arab dan disesuaikan dengan sistem atau suku kata bahasa Melayu yang bermaksud kufur atau kekufuran, fakir atau kefakiran dan kubur. Kata *azab* pula telah diserapkan kepada bahasa Melayu daripada bahasa Arab. Kesejajaran berlaku apabila ketiga-tiga kata yang menjadi fokus utama dalam hadis ini iaitu *kufr*, *faqr*, dan *qabr* hadir dalam bentuk masdar atau kata terbitan tiga perkataan yang mempunyai tanda *sukun* pada 'ayn al-fi' atau huruf yang tengah. Tambahan pula semua perkataan itu diakhiri dengan huruf *ra*. Susunan ketiga-tiga perkataan *kufr*, *faqr*, dan *qabr* juga memiliki signifikansi yang tersendiri. *Kufr* didahulukan berdasarkan kepentingannya kerana iman dan kufur mempunyai perbezaan yang amat jelas. Seterusnya diikuti oleh *faqr* sebagai kenyataan atau kejadian yang dapat diberikan dan dijelaskan di dunia. Pengakhiran kalimah *qabr* bukanlah bererti kubur itu tidak penting tetapi disebabkan alam kubur termasuk sebagai salah satu alam ghaib yang kadang-kadang kurang difahami oleh segelintir manusia, maka sesuaialah sebutannya dikemudiankan.

4.6 Zikir harian, sebagaimana direkodkan oleh Ibn al-Sunni (t.th) melalui Abdullah bin Abbas r.a.:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَصْبَحْتُ (أَمْسَيْتُ) مِنْكَ فِي نِعْمَةٍ وَعَافِيَةٍ وَسِتْرٍ، فَأَنْتَ عَلَيَّ نِعْمَتَكَ وَعَافِيَتَكَ وَسِتْرَكَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ.

Maksudnya :

Ya Allah pada pagi (petang) ini kami sentiasa menikmati kesejahteraan pemberian-Mu (keselamatan daripada bala bencana) dan tertutupnya rahsia dosa-dosaku. Oleh itu sempurnakanlah nikmat-Mu kesejahteraan-Mu dan pemeliharaan-Mu terhadap diriku di dunia dan di akhirat.

Zikir ini dibaca pada waktu pagi dan petang. Jika zikir ini dibaca pada waktu pagi pembaca hendaklah menggunakan kata kerja *asbahtu* manakala pada waktu petang *amsaytu*. Sarjana menilai hadis ini dinilai sebagai *daif jiddan* kerana salah seorang perawinya iaitu 'Amru bin Husayn bertaraf *matruk* (Ibn

Hajar al-'Asqalani 2008). Sebahagian sarjana lagi menilai 'Amru bin Husayn sebagai *muttahaam bi al-kazib* atau dituduh sebagai pendusta (Abu Usamah 2001). Nikmat ialah anugerah atau kurniaan daripada Allah SWT. Dia telah mengurniakan hamba-Nya pelbagai nikmat termasuklah pendengaran, penglihatan, akal, kesihatan, harta, pasangan hidup dan zuriat. Akan tetapi semua nikmat ini akan berakhir apabila ajal datang menjemput. Adapun satu-satunya nikmat yang mempunyai kesan yang berpanjangan sampai ke hari akhirat ialah nikmat Islam. Disebabkan nikmat datang daripada Yang Maha Esa, maka nikmat wajib disyukuri. Oleh yang demikian, dalam al-Quran, kalimah "syukur" digandingkan dengan kata nikmat, rezeki, kurnia, petunjuk penciptaan manusia, pertukaran siang dan malam, kebangkitan selepas kematian dan memberikan maaf. Dapat difahami bahawa hanya Allah SWT yang menganugerahkan nikmat rezeki kepada manusia. Maka hendaklah manusia bersyukur kepada Allah atas segala nikmat yang dikurniakan (Mila et al. 2018). Manusia seharusnya berasa bimbang sekiranya dosa yang dilakukan masih belum meraih keampunan Allah SWT. Manusia sentiasa melakukan dosa tetapi bukan semua dosa yang dilakukan diketahui oleh orang yang berada di sekelilingnya. Dengan sifat Allah SWT *al-Sattar* atau *Sittir* Dia menutup dan mengampunkan keaiban hamba-Nya menyebabkan dia dikenali sebagai insan yang baik dan berakhlak. Dalam hadis Nabi SAW ada bersabda sebagaimana direkodkan oleh Bukhari (2000) yang bermaksud: Setiap umat-Ku akan diampunkan dosa mereka melainkan golongan *mujāhirin* (iaitu mereka yang mendedahkan dosa mereka sendiri). *Mujāharah* berlaku apabila individu yang melakukan satu perbuatan maksiat pada waktu malam sedangkan pada waktu pagi Allah telah menutup perbuatannya pada malam tersebut. Dia berkata: Wahai si polan, semalam aku telah melakukan sesuatu dosa." Sesungguhnya dia tidur sedangkan Allah SWT menutup aib perbuatannya. Namun dia bangun pada waktu pagi mendedahkan aibnya sendiri yang telah pun ditutup oleh Allah SWT. Dari sudut pemilihan perkataan, didapati perkataan yang menjadi kata kunci bagi hadis ini iaitu kata nama *ni'mat*, *afiyat*, *dunyā* dan *akhirat* yang berasal daripada bahasa Arab telah diserapkan kepada bahasa Melayu yang bermaksud nikmat, afiat, dunia dan akhirat. Manakala kata kerja *atimm* yang bermaksud sempurnakanlah dipinjamkan daripada bahasa Arab dan disesuaikan dengan sistem atau suku kata bahasa Melayu menjadi tamam yang juga bermaksud sempurna, selesai atau tamat. Hanya satu sahaja perkataan yang dianggap kunci utama yang tidak diserapkan mahupun dipinjamkan kepada bahasa Melayu iaitu *sitr*. Dalam bahasa Melayu ada perkataan yang seiras dengan *sitr* iaitu sitar dan sitir, tetapi membawa maksud konotasi yang berbeza. Sitar dalam bahasa Melayu bermaksud alat bunyi-bunyian bertali yang hampir serupa dengan kecapi sedangkan sitir atau menyitir pula perbuatan mengutip ayat menyebut atau menulis kembali kata-kata yang telah disebut atau ditulis oleh orang lain. Pendahuluan kata *ni'mat* dalam hadis ini amat wajar kerana nikmat ialah sesuatu yang umum yang turut merangkumi afiat dan penutupan dosa. Hadis ini secara umumnya boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pengiktirafan tentang tiga anugerah yang dinyatakan dan permohonan kepada Allah SWT agar ketiga-tiga anugerah itu disempurnakan. Di sini menampakkan sikap merendah diri manusia yang berdoa apabila dia mengakui kurniaan-Nya terlebih dahulu sebelum mengajukan permintaan selanjutnya. Kata-kata yang terkandung dalam bahagian pertama dan kedua juga disusun menurut tertibnya yang menyerlahkan kesejajaran iaitu *ni'mat*, *afiyat* dan *sitr* yang berkesinambungan dengan bahagian kedua iaitu *ni'mataka*, *'afiyataka* dan *sitraka*.

4.7 Zikir harian, sebagaimana direkodkan oleh Ibn al-Sunni (t.th) melalui 'Abdullah bin Abbas r.a., seorang lelaki mengadu kepada Rasulullah SAW tentang penyakit yang menimpanya. Rasulullah SAW bersabda kepadanya supaya dia mengamalkan bacaan pada waktu pagi:

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى نَفْسِي وَأَهْلِي وَمَالِي

Maksudnya :

Dengan nama Allah untuk diriku, ahli keluargaku dan hartaku.

Hadis ini dinilai sebagai *da'if* oleh Nawawī Nawawī (1994), namun boleh diamalkan atas dasar fadilat beramal. Doa ini mengajar manusia kaedah bertawakal kepada Allah SWT. Walaupun orang yang bertawakal menyerahkan semua urusan kepada-Nya, dia tidak sepatutnya mengabaikan segala ikhtiar. Tawakal yang betul dan tepat didasarkan pada keyakinan sepenuhnya terhadap kekuasaan dan

kehebatan Allah SWT Azzawajalla. Tawakal ialah natijah kepercayaan yang teguh dalam diri bahawa setiap sesuatu yang berlaku berdasarkan ketentuan-Nya. Jika Allah SWT menginginkan kebaikan atau keburukan untuk hamba-Nya, hal itu tetap akan terjadi sekalipun seluruh penghuni alam ini berpakat untuk mengubah ketentuan tersebut. Sikap tawakal menjadikan insan yakin terhadap diri sendiri, berani menghadapi dugaan memiliki ketenangan jiwa, semakin hampir dengan Allah SWT, memperoleh pertolongan dan pertolongan Allah SWT, dan diberikan rasa qanaah. Keselamatan untuk ahli keluarga atau *ahli* bermaksud sesuatu keadaan dalam sesebuah negara yang berada dalam keadaan selamat, sihat, aman, selesa, harmoni dan memuaskan. Keselamatan yang turut dikaitkan dengan kesejahteraan merujuk perspektif individu terhadap kehidupan mereka termasuklah dari sudut integrasi sosial, fizikal, mental, emosi, kerohanian dan ciri sosial. Menurut Orem, kesejahteraan juga dapat ditakrifkan sebagai satu keadaan harmoni dalam setiap kehidupan, melalui pengalaman, kebahagiaan, keseronokan, kerohanian dan kegembiraan. Lucas dan Diener pula mentakrifkan kesejahteraan sebagai penilaian individu terhadap kualiti kehidupan mereka yang meliputi aspek kognitif dan aspek afektif. Kesejahteraan keluarga merangkumi dimensi struktur organisasi keluarga, hubungan interpersonal, status psikologikal ibu bapa dan *efficacy* atau sendiri ibu bapa (Nabilah Huda & Norsaleha 2019). Keselamatan pada harta atau *māli* bukan sahaja pada wang ringgit bahkan turut merangkumi pelbagai sudut. Harta seharusnya memiliki dua syarat; boleh dimiliki dan boleh dimanfaatkan. Oleh itu, sesuatu yang tidak dapat dimiliki tetapi boleh dimanfaatkan seperti udara dan tanah, atau sesuatu yang sesuatu yang boleh dimiliki tetapi tidak dapat dimanfaatkan dalam keadaan biasa seperti sebutir beras atau setitis air atau sesuatu yang bercanggah dengan syarak seperti bangkai dan arak tidak sesuai dimasukkan dalam kategori harta. Satu perkara lagi yang harus perlu diberikan perhatian ialah harta intelek iaitu hasil ciptaan berasaskan fikiran seseorang. Jolokan harta intelek diberikan berdasarkan penciptaan atau hasil karya itu melibatkan daya pemikiran atau keintelektualan seseorang. Terma 'harta intelek' merujuk bidang undang-undang termasuk hak cipta, paten, cap dagangan, reka bentuk dan lain-lain hak yang berkaitan. Hak harta intelek ini juga merupakan pendahulu kepada kesemua jenis hak ke atas harta yang berbentuk tidak zahir. Secara asasnya harta intelek adalah berkaitan dengan sesuatu maklumat yang digabung dengan harta zahir yang diguna pakai kepada salinan barangan yang tidak terhad di seluruh dunia. Harta intelek wujud bukan kepada salinan barangan tetapi kepada maklumat pada barangan tersebut. Kategori harta intelek terbahagi kepada dua. Pertama, harta intelek yang mendapat perlindungan di bawah statut dan kedua, harta intelek yang mendapat perlindungan *common law* (Azimon & Nazura 2009). Dari sudut pemilihan perkataan, didapati perkataan yang menjadi kata kunci bagi hadis ini iaitu kata nama *nafsi*, *ahli*, dan *mali* daripada bahasa Arab telah diserapkan kepada bahasa Melayu yang bermaksud nafsi, ahli, dan mal. Nafsi bermaksud diri sendiri, ahli bermaksud anggota, dan mal bermaksud harta benda atau khazanah. Perkataan mal biasanya digabungkan *bayt* yang bermaksud rumah, menjadi baitulmal yang bermaksud orang seorang tempat menyimpan harta benda atau perbendaharaan. Ada juga ungkapan yang popular dalam zakat iaitu *mal al-mustafad* yang terhasil daripada kerja hakiki yang dilakukan oleh orang Islam sebagai sumber pendapatan berbentuk gaji, upah kerja, ganjaran ahli professional seperti doktor, peguam, arkitek, jurutera, pakar runding atau pendapatan lain (Mohd Adib et al. 2019). Pendahuluan kata *nafsi* berbanding *ahli* dan *mali* berdasarkan keutamaan, seiras dengan susunan yang terdapat dalam hadis yang direkodkan oleh Abu Dawud al-Sijistani (2009) yang bermaksud: Ya Allah aku memohon keselamatan di dunia dan akhirat. Ya Allah aku memohon kepada-Mu keampunan dan keselamatan pada agamaku dan duniaku, pada ahli keluargaku dan harta bendaku. Ya Allah tutuplah aurat dan keaibanku, dan amankanlah ketakutanku. Ya Allah peliharalah aku daripada bahaya yang datang dari hadapanku, dari belakangkku, dari kananku, dari kiriku, dari atasku dan aku berlindung dengan keagungan-Mu daripada tergelincir dari bawahku. Dari sudut kesejajaran, didapati ketiga-tiga perkataan mempunyai kata ganti nama yang merujuk diri sendiri iaitu ya pada *nafsi*, *ahli* dan *mali*. Ketiga-tiga perkataan ini juga mempunyai tanda *sukun* atau mati pada huruf kedua.

5.0 Kesimpulan

Sebagai rujukan kedua selepas al-Quran, hadis memperlihatkan pedoman yang terkandung dalam Kalam Allah SWT itu amat sesuai dan serasi diamalkan oleh manusia sepanjang zaman. Utusan agung Nabi Muhammad SAW berjaya menerapkan ajaran Islam dalam realiti kehidupan secara bersepadu sama ada dari sudut teori mahupun aplikasi. Hadis atau sunnah mendidik manusia untuk mendampingi diri dengan Allah SWT dalam semua situasi. Antara sunnah yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW ialah amalan zikir harian yang boleh diamalkan pada waktu pagi dan petang.

Berdasarkan perbincangan yang diketengahkan dalam artikel ini, didapati bahawa hadis-hadis yang dikategorikan sebagai zikir atau *azkar* harian mengandungi banyak kelebihan dari sudut pemilihan, bentuk dan susunan katanya. Analisis yang dipaparkan dalam artikel ini mengetengahkan kewibawaan Rasulullah SAW dalam pengungkapan hadis dan mengukuhkan gelaran *jawami' al-kalim* atau ungkapan yang ringkas, tepat dan padat yang dianugerahkan kepada Baginda SAW. Sistem kata yang dibentuk dapat dijadikan panduan oleh pengamal zikir harian daripada hadis-hadis Rasulullah SAW. Analisis juga menunjukkan banyak perkataan yang diujarkan oleh insan teragung ini mengandungi kesejajaran dari sudut susunannya. Apabila dua budaya bertembung, bahasa kedua-dua kumpulan itu juga turut bertembung. Maka berlakulah peminjaman bahasa termasuklah apa yang terjadi dalam hadis-hadis yang dianalisis dalam artikel ini. Peminjaman bahasa berlaku sama ada dalam bentuk kata pinjaman, kata pinjaman campuran atau kata pinjaman terjemahan. Dari aspek peminjaman dan penyerapan perkataan ternyata lebih sembilan puluh peratus perkataan yang menjadi kata kunci setiap hadis yang dikaji perkataan yang dipinjamkan, diserapkan dan disesuaikan dengan bahasa Melayu. Ilmu stilistik menyumbang dari aspek kaedah penganalisan gaya bahasa, kata dan ujaran turut mengukuhkan maksud yang eksplisit dan implisit di sebalik kesejajaran itu. Kajian ini menyumbang dari sudut pengutaraan hasil gabungan ciri-ciri kesejajaran susunan, pemilihan perkataan dan peminjaman ini memudahkan lagi orang Melayu-Islam yang bukan penutur jadi bahasa Arab untuk membaca, menghafal, memahami dan menghayati *azkar* harian daripada hadis Rasulullah SAW. Dicadangkan supaya kajian selanjutnya dilakukan untuk mengesan dan menganalisis kesejajaran dalam hadis-hadis yang lain sebagai salah satu usaha memartabatkan sumber perundangan syarak ini dan meneguhkan ciri *jawami' al-kalim* yang dimiliki oleh Baginda SAW.

Rujukan

Al-Quran

- Abū Dāwud, S. A. (2009). *Sunan Abi Dawud*. (S. Arnaut, Ed.). Dar al-Risalah al-Hadithah.
- Abū Usāmah, S.A.H. (2001). *Ujalah al-Raghib al-Mutamanni fi Takhrij Kitab 'Amal al-Yawm wa al-Laylah li Ibn Sunni*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Alias, A. (2017). Sains Islam vs Sains Barat: Analisis Amalan dan Perbandingan. *Ulum Islamiyyah*, 21(Ogos), 25–41.
- Azimon, A.A., & Nazura, A.M. (2009). Aspek Undang-Undang dan Penguatkuasaan Harta Intelek: Permasalahan-Permasalahan Yang Memberi Kesan Kepada Perlindungan Pengguna. In *PERKEM IV* (pp. 523–537).
- Bukhāri, M. I. (2000). *Sahih al-Bukhari*. (Tahkik Al-Nasir, M.Z.N.). Beirut: Dār Ṭawq al-Najāh.
- Ding, C.M. (2009). Beberapa Sifat, Asal Usul dan Kepengarangan Peribahasa Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 27(2), 3–26.
- Emma Mirza Wati, M. & Cheng, V.K. (2019). Analisis Kandungan Artikel Kesihatan Akhbar Terpilih dalam Tempoh Pilihan Raya Umum Ke-14 Malaysia. *Journal of Human Development and Communication*, 8, 107–116.
- Ghazzi, N. M. (2011). *Husn al-Tanabbuh*. Damsyik: Dar al-Nawadir.
- Ibn Hajar al-'Asqalānī, A. A. (2011). *Fath al-Bārī*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Salāh, U. A. R. (2010). *Fatawa wa Masail Ibn Salah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn al-Sunni, A.M. (t.th). *Amal Al-Yawm Wa Al-Laylah*. Beirut: Muassasah Ulum al-Quran.
- Ibn Taymiyah, A.H. (1995). *Majmū' al-Fatāwā*. Arab Saudi: Majma' al-Malik Fahd.
- Khader, T.K. & Mohammed, M.K. (2016). The structure of parallelism in sa'adi yusuf's poetry. *International Journal on Studies in English Language and Literature (IJSELL)*. 4 (2):39–51.
- Maledo, R.O. (2019). Syntactic Parallelism and Meaning Relation in Tanure Ojaide's Poetry. *KIU Journal of Humanities*, 4(4), 215–227.
- Masuriyati, Y. & Che Zarrina, S. (2016). Program Zikrullah Dan Aktiviti Kerohanian Asas Pembangunan Spiritual Golongan Belia Perlu Perhatian (PP) Dalam Merealisasikan Gagasan Negara Zikir Brunei Darussalam. *GJAT*, 6(1), 101–112.
- Mila, F., Ahmad, I. & Dadang, D. (2018). Analisis semantik kata syukur dalam alquran. *Al-Bayan Jurnal*. Ogos:90–102.
- Mohamad Fitri, M.Y. & Zaitul Azma Z.H. (2014). Istilah Melayu dan Arab dalam Wacana Muamalat. *Jurnal Bahasa*, 14(1), 07–121. Retrieved from <http://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/4292/1371>

- Mohammad Fadzeli, J. (2014). Stilistik. Dlm. Mohammad Fadzeli Jaafar (pnyt.). Pengenalan Linguistik Teoritis Dan Aplikasi, hlm. 140–56. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohammad Fadzeli, J., Idris A. & Norsimah M.A. (2017). Aspek Kesejajaran dalam Perbilang Adat berdasarkan Analisis Stilistik. *Akademika*, 87(1), 279–290.
- Mohd Adib, A.M., Mohd Sollehudin, S., Azizah, C.O., & Shuhairimi, A. (2019). Analisis Kutipan Zakat Pendapatan di Negeri Kedah bagi Tahun 2012 hingga 2018. *Journal of Human Development and Communication*, 8, 117–122.
- Mohd Adib A.M., Mohd Sollehudin, S., Azizah, C.O., & Shuhairimi, A. (2018). Kerangka Islam dan Sifat-sifat Terpuji (Mahmudah) Sebagai Asas dalam Keusahawanan Sosial Islam: Satu Penghayatan bagi Usahawan Sosial. *Journal of Human Development and Communication*, 8, 139–152.
- Mohd Anuar, M. & Muhammad Mustaqim, M.Z. (2019). Keperluan Zikir Dalam Pembelajaran Menurut Manuskrip Melayu: Kajian Terhadap Mss 2906 (B) Tibyān Al-Marām. *Journal of Al-Tamaddun*, 14(1), 37–51.
- Mohd Shukrey, A. & Kamariah, K. (2018). Nilai Islam Dalam Komik Majalah Dewan Pelajar. *Jurnal Melayu*, 17(1), 49–73.
- Mohamad, H., Mohd Sukki, O., Nik Farhan, M. & Muhd Zulkifli, I. (2016). Analisis penggunaan isti'arah: kajian terhadap beberapa hadith amthal rasulullah saw. *Issues in Language Studies*. 5 (1):27–43.
- Muhammad Ali, A.W. (2008). Al-Ḥadith Al-Nabawi wa Al-Quran Al-Karim. from <https://www.alukah.net/sharia/0/4123/> 30 Oktober 2021
- Muslim, M. Ḥajjāj. (2006). *Saḥīḥ Muslim*. Riyadh: Dar Tibah.
- Nabilah Huda, Z. & Norsaleha, M.S. (2019). Kesejahteraan Keluarga Di Malaysia : Suatu Sorotan Awal. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, (Special Issue), 27–36.
- Nawawī, Y. S. (1994). *Al-Azkar*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Nurshuhada, M.S., Wan Shahrazad W.S. & Norulhuda, S. (2018). Penerokaan Amalan Zikir Dan Perubahan Tingkah Laku Dalam Proses Kepulihan Penagihan Dalam Kalangan Penagih Bebas Dadah. *E-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 13(2), 141–153.
- Qaḥṭāni, S. A. (2014). *Ḥiṣn al-Muslim*. Arab Saudi: Muassasah al-Jarisi.
- Qāri, A. M. (2002). *Mirqat al-Mafatih*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Quzi, S. A. (2020). *Al-Duktur Said bin Ali bin Wahf al-Qahtani wa Juhuduh fi al-Ilmiyyah wa al-Da'awiyah*. Umm al-Qura University.
- Sardar Fayyaz ul Hassan. (2013). Analyzing the Language of Poetry from a Perspective of Linguistics. *International Journal of English and Education*, 2(2), 394–409.
- Short, M. (1996). *An Exploring A Language of Prose, Drama and Poem*. London: Longman.
- Siti Zaharah, H., Abur Hamdi, U., Sofiah, S., Farhah Zaidar, M.R. & Syaidatun Nazirah, A.B. (2021). Tarbiyah Keluarga Melalui Aktiviti Berusrah: Huraian Surah-Surah Pilihan Dalam Juz Amma dari Kitab Naẓarāt Fī Kitābillah. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(1), 160–175.
- Tirmizī, M. I. (1988). *Sunan al-Tirmizi*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- 'Umarī, A. D. (1995). *Buḥūth fi Tarikh al-Sunnah al-Musharrafah*. Arab Saudi: Maktabah al-Ulum wa al-Ḥikam.